

**DESAKAN TAKIK DIKI DIANGGAI
TIDAK HORMATI BADAN KEHAKIMAN**

Peguam Muslim bela anggota2 tribunal



ENCIK MOHD. ZAID
(Presiden PPMM)

KUALA LUMPUR 20 Jun —
Persatuan Peguam - Peguam Muslim Malaysia (PPMM) hari ini menyifatkan desakan Majlis Peguam supaya Tan Sri Hamid Omar dan Tan Sri Lee Hun Hoe menarik diri dari menganggotai tribunal sebagai mencerminkan sikap kurang sopan dan tidak menghormati badan kehakiman.

Presidennya, Encik Mohd. Zaid Ibrahim menegaskan, apa yang nyata dari usul - usul itu ialah bahawa Majlis Peguam sudah tidak lagi menghormati dan mempercayai kedua - dua hakim yang terkanan di negara ini. Serentak dengan itu, beliau menyoal sama ada tentangan Majlis Peguam yang ghairah dan lantang terhadap perantikan Tan Sri Hamid - ada kaitan dengan perkara - perkara lain.

"Kita tidak percaya bahawa Tan Sri Hamid begitu rendah maruahnya sehingga akan membenarkan dirinya selaku Pengerusi Tribunal membuat keputusan tertentu semata - mata untuk membolehkan beliau mendapat manfaat dengan menduduki kerusi Ketua Hakim Negara kelak," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh persatuan itu petang ini.

Mesyuarat agung luar biasa Majlis Peguam kelmarin memutuskan untuk mendesak Hakim Besar Malaya itu supaya menarik diri dari menjadi Pengerusi Tribunal yang akan menyiasat Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas pada 27 Jun ini.

Turut juga didesak mengambil langkah serupa ialah Hakim Besar Borneo, Tan Sri Lee, Hakim Kanan Mahkamah Agung Singapura, T.S. Sinnathuray, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohd. Zahir Ismail yang juga bekas Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya dan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Abdul Aziz Zain. Keputusan ini dibuat kerana menganggap wujud keadaan percanggahan kepentingan dan mendokong prinsip bahawa keadilan hendaklah benar - benar dilaksanakan.

Beberapa hari lalu, peguam yang dilantik oleh Tun Salleh mewakilinya, Raja Aziz Addruse juga mempertikaikan perantikan Tan Sri Hamid, Sinnathuray, Tan Sri Mohd. Zahir dan Tan Sri Abdul Aziz.

Tan Sri Hamid didakwa turut hadir bersama - sama hakim lain termasuk Tun Salleh dalam mesyuarat

untuk memutuskan menghantar surat kepada Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan "serangan" yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ke atas pihak kehakiman negara ini. Semalam, Tan Sri Hamid menegaskan, beliau tidak akan menarik diri dari menjadi Pengerusi Tribunal kerana menganggap ia satu tindakan menderhaka kepada perintah Yang di-Pertuan Agong. Pada 13 Jun lalu, Yang di-Pertuan Agong telah

LIHAT MUKA 6

bertekanan melantik enam anggota tribunal termasuk Hakim Besar Sri Lanka, K.A.P. Ranasinghe untuk menyiasat Tun Salleh selaras dengan peruntukan Artikel 125(3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan isu perantikan ini, Encik Mohd. Zaid berkata, PPMM kecewa di atas usul Majlis Peguam mendesak Tan Sri Hamid dan anggota - anggota lain menarik diri dari menganggotai tribunal. Sebaliknya, kata beliau PPMM sekali lagi menyatakan sokongan penuh terhadap perantikan anggota - anggota tribunal itu dan memberi kepercayaan penuh ke atas kebolehan dan kewibawaan anggota - anggota tersebut untuk

Amerika, pemecatan seorang hakim itu adalah dengan cara "impeachment" sama ada di Parlimen ataupun Senat. Dalam erti kata lain, ahli - ahli politik dibolehkan memecat hakim - hakim. "Perkara sedemikian tidak berlaku di negara ini. Perlembagaan menetapkan bahawa seseorang hakim boleh dipecat oleh Yang di-Pertuan Agong melalui nasihat sebuah tribunal yang dianggotai oleh hakim - hakim dan bekas hakim sendiri dan orang luar," jelas beliau. Beliau berkata, sistem ini pada PPMM adalah lebih wajar, kerana komposisi tribunal ini mestilah terdiri daripada hakim - hakim, jadi soal "percanggahan kepentingan" tidak timbul sama sekali.

menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka secara adil dan saksama. Menurut beliau, soal penubuhan tribunal ini telah sengaja diperhebohkan. Katanya, hakim - hakim dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 122 (b) Perlembagaan Persekutuan dan baginda juga boleh memecat mana - mana hakim dengan syarat Perkara 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan dipatuhi. Tugas tribunal, katanya lagi, adalah untuk menasihati Sri Paduka. Presiden PPMM itu menegaskan lagi, perantikan Tan Sri Hamid adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan. "Di England dan